

Topik 1: Pengenalan

Daniel merupakan salah seorang diantara rasul yang hebat, dia merupakan pemimpin istana diraja Babilon. Tidak lama kemudian, kepimpinannya yang agung tersebar luas semasa dia berkhidmat di bawah pemerintahan kerajaan Persia. Dipercayai bahawa tempat dimana dia dikubur adalah tempat dimana orang kenamaan dikubur ribuan tahun yang lalu.

Tetapi apakah yang membuatkan Daniel dipandang tinggi di mata masyarakat Persia dan orang lain? Dia dipandang tinggi kerana tafsirannya yang menakjubkan. Salah satu daripadanya ialah tafsirannya akan mimpi raja Nebukadnezar, iaitu raja yang teragung dalam sejarah kerajaan Babilon. Cerita nubuatan ini masih lagi boleh didapati sehingga kini, ia terdapat di dalam buku yang ditulis oleh Nabi Daniel.

Dalam cerita itu, kita lihat bahawa raja memanggil semua orang bijaksana dari seluruh negara untuk membantu dia mengingati kembali mimpinya yang tidak dapat diingat kembali.

Pada tahun yang kedua pemerintahan Nebukadnezar bermimpilah Nebukadnezar; karena itu hatinya gelisah dan dia tidak dapat tidur. Lalu raja menyuruh memanggil orang-orang berilmu, ahli jampi, ahli sihir dan para Kasdim, untuk menerangkan kepadanya tentang mimpinya itu; maka datanglah mereka dan berdiri di hadapan raja. Kata raja kepada mereka: "Aku bermimpi, dan hatiku gelisah, karena ingin mengetahui mimpi itu." Lalu berkatalah para Kasdim itu kepada raja (dalam bahasa Aram): "Ya raja, kekallah hidupmu! Ceritakanlah kepada hamba-hambamu akan mimpi itu, maka kami akan memberitahukan maknanya." (Daniel 2:1-4, ditulis pada abad ketujuh SM)

Masa kini, hal yang sama telah berlaku di kebanyakan negara. Para pemimpin masyarakat di sini menghadapi masalah. Mereka tidak tahu apa yang harus mereka lakukan untuk menghadapi masalah mereka, dan seperti raja kuno, mereka mencari para ulama dan pemimpin agama untuk jawabannya.

Dalam artikel pendek ini dan artikel yang akan datang, kita akan lihat ramalan-ramalan Daniel dan para nabi yang menakjubkan. Kita akan lihat bagaimana mereka menawarkan bantuan yang jauh lebih baik daripada orang bijak di Babilon.

Orang-orang bijak, tentu saja, tidak dapat memberitahu mimpi raja itu. Dan, seperti ramai orang diraja, raja menjadi jengkel dengan mereka yang mencuba untuk menipu dia. Ini membuatkan dia mengeluarkan perintah pelaksanaan “orang-orang” bijaknya.

Jika kamu tidak dapat memberitahukan kepadaku mimpi itu, maka kamu akan kena hukuman yang sama; dan aku tahu bahwa kamu telah bermufakat untuk mengatakan kepadaku hal-hal yang bohong dan busuk, sampai keadaan berubah. Oleh sebab itu ceriterakanlah kepadaku mimpi itu, supaya aku tahu, bahwa kamu dapat memberitahukan maknanya juga kepadaku." Para Kasdim itu menjawab raja: "Tidak ada seorangpun di muka bumi yang dapat memberitahukan apa yang diminta tuanku raja! Dan tidak pernah seorang raja, bagaimanapun agungnya dan besar kuasanya, telah meminta hal sedemikian dari seorang berilmu atau seorang ahli jampi atau seorang Kasdim. Apa yang diminta tuanku raja adalah terlalu berat, dan tidak ada seorangpun yang dapat memberitahukannya kepada tuanku raja, selain dari dewa-dewa yang tidak tinggal di antara manusia." Maka raja menjadi sangat geram dan murka karena hal itu, lalu dititahkannya untuk melenyapkan semua orang bijaksana di Babel. Daniel 2:9-12

Sekarang apabila Daniel mengetahui tentang perintah hukuman mati itu, dia meminta untuk diberikan peluang satu hari untuk berdoa kepada Tuhan supaya diberikan kebijaksanaan menjawab permintaan raja. Dan apabila dia dibawa ke bilik takhta, dia menjelaskan bahawa dia tidak mempunyai kuasa untuk menolong raja sama seperti para ulama lain (Para ulama yang lain yang dimaksudkan disini adalah mereka yang cuba membantu raja dengan ketidakjujuran mereka.)

Tetapi, tidak seperti mereka, dia tahu bagaimana untuk berdoa kepada Tuhan di Syurga. Maklumat yang Tuhan berikan kepada Daniel bukan hanya membantu raja memahami masa depan, tetapi Dia telah melakukan perkara yang sama untuk berjuta-juta orang hari ini. Dan bagi orang-orang Melayu yang telah banyak menderita di tangan pelbagai kuasa empayar, perkara-perkara yang dinyatakan Daniel sangat menarik!

Daniel menjawab, katanya kepada raja: "Rahasia, yang ditanyakan tuanku raja, tidaklah dapat diberitahukan kepada raja oleh orang bijaksana, ahli jampi, orang berilmu atau ahli nujum. Tetapi di syurga ada Allah yang menyingkapkan rahsia-rahsia; Dia telah memberitahukan kepada tuanku raja Nebukadnezar apa yang akan terjadi pada hari-hari yang akan datang. Mimpi dan penglihatan-penglihatan yang tuanku lihat di tempat tidur ialah ini: Sedang tuanku ada di tempat tidur, ya tuanku raja, timbul pada tuanku pikiran-pikiran tentang apa yang akan terjadi di kemudian hari, dan Dia yang menyingkapkan rahsia-rahsia telah memberitahukan kepada tuanku apa yang akan terjadi. Daniel 2:27-29

Apakah sebenarnya yang ditunjukkan Tuhan kepada nabi Daniel tentang akhir zaman? Kita akan ketahu pada artikel yang akan datang. Sementara itu, mari kita lakukan apa yang telah dilakukan oleh nabi Daniel: mintalah kepada Tuhan untuk membantu anda memahami rahsia dan mimpi yang terdapat dalam tulisan para nabi.